

ANALISIS PERBANDINGAN PERUNDANGAN BERKAITAN HARTA SEPENCARIAN DI PAHANG DAN INDONESIA *COMPARATIVE LEGAL ANALYSIS OF MATRIMONIAL PROPERTY IN PAHANG AND INDONESIA*

Muhammad Faiq Hakimee Azizee¹, Mohammad Ramzi Zakaria², Ainun Mardhiah Salehudin³

¹Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Al-Quran Al-Sultan Abdullah Ahmad Shah, Malaysia

Abstrak

Harta sepencarian merupakan prinsip penting dalam perundangan kekeluargaan Islam yang menegaskan keadilan dalam pembahagian harta yang diperoleh sepanjang tempoh perkahwinan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan doktrinal menerusi penelitian persamaan dan perbezaan harta sepencarian menurut undang-undang di Pahang (Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri Pahang 2005) dan undang-undang di Indonesia (Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan dan Kompilasi Hukum Islam di Indonesia). Kedua-dua negeri menggariskan perundangan berpandukan kepada prinsip keadilan menurut hukum syarak. Namun begitu, melalui hasil kajian ini terdapat perbezaan dan kelompongan dari sudut pewartaan undang-undang. Analisis perbandingan ini penting bagi mengenal pasti kekuatan serta ruang penambahbaikan agar pelaksanaan harta sepencarian memenuhi keperluan masyarakat semasa dan selari dengan kemaslahatan yang dianjurkan dalam ajaran agama Islam.

Kata Kunci: analisis perbandingan, harta sepencarian, undang-undang

Abstract

Matrimonial property is a important concept in Islamic family law that highlights the need for a fair distribution of assets accumulated during the course of the marriage. The present study employs a qualitative study approach, specifically a doctrinal study, where there is a need to compare the similarities and differences of the laws governing matrimonial properties in Pahang, Malaysia, and Indonesia, specifically the Islamic Family Law Enactment of Pahang 2005 and Law No. 1 of 1974 on Marriage and the Compilation of Islamic Law, respectively. Both laws are anchored on the fundamental principle of justice in accordance with Islamic teachings. However, as this study reveals, there are certain differences and deficiencies in the laws that are formulated and implemented. Such a comparative study is necessary to identify the positive aspects of the laws and how they can be improved to meet the demands of the present society, as well as the concept of "public interest" or "maslahah" in Islam.

Perkembangan Artikel

Diterima: 27 Februari 2026

Disemak: 7 April 2026

Diterbit: 30 April 2026

*Corresponding Author:

Muhammad Faiq Hakimee Azizee,
Universiti Al-Quran Al-Sultan
Abdullah Ahmad Shah, Malaysia.

[Email:PIB23041@siswa.uniqsaas.edu.my](mailto:PIB23041@siswa.uniqsaas.edu.my)

Keywords: *Comparative analysis, matrimonial property, laws*

PENGENALAN

Harta sepencarian ialah harta daripada usaha suami dan isteri dalam tempoh perkahwinan (Kamus Dewan, 2000). Hal ini menunjukkan bahawa harta sepencarian dilihat sebagai lambang keadilan dalam penentuan hak pemilikan selepas berlakunya perceraian atau kematian salah seorang pasangan. Harta sepencarian merupakan harta yang diperolehi hasil sumbangan bersama semasa tempoh perkahwinan (Rabi'ah, 2021). Hal ini merupakan perkara penting dalam sistem kekeluargaan Islam yang memberikan kemaslahatan terhadap usaha bersama suami dan isteri sepanjang tempoh perkahwinan serta merujuk kepada harta yang terkumpul sepanjang perkahwinan sama ada harta alih atau harta tidak alih yang diperolehi pasangan suami isteri secara langsung atau tidak langsung dalam tempoh perkahwinan yang sah (Mazliza, 2021).

Menurut bahasa Indonesia, *gana-gini* ialah harta yang dikumpulkan selama berumah tangga sehingga menjadi hak berdua suami dan isteri (Kamus Besar Bahasa Indonesia, 2008). Istilah ini digunakan oleh masyarakat Indonesia dalam mentafsirkan harta sepencarian. Menurut kajian, istilah *gana-gini* bermaksud harta bersama oleh pasangan suami dan isteri yang diwartakan dalam undang-undang di Indonesia (Rabi'ah, 2021).

Harta sepencarian di Pahang merujuk kepada sumbangan dalam tempoh perkahwinan secara langsung seperti wang yang disalurkan manakala sumbangan secara tidak langsung seperti pengurusan rumah tangga, pemeliharaan anak dan pemberian keselesaan emosi yang memungkinkan pasangan mencari rezeki serta membina kehidupan bersama (Rabi'ah, 2021). Mahkamah syariah berperanan menilai tuntutan terhadap tahap sumbangan kedua-dua pasangan dalam pembahagian harta sepencarian (Rabi'ah, 2021). Di negeri Pahang, undang-undang harta sepencarian diperuntukkan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005.

Di Indonesia, Harta ini dinamakan sebagai *gana-gini* atau harta bersama diperuntukkan melalui Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan (Rabi'ah, 2021). Undang-undang berkenaan harta bersama ini diperincikan lagi dalam Kompilasi Hukum Islam (KHI) akhirnya menjadi suatu peraturan di Indonesia dengan pendekatan dalam mengatasi berbagai permasalahan yang terjadi dalam kehidupan masyarakat (Ubaidillah, 2022). Pembahasan mengenai harta bersama dibahas lebih luas dalam buku Kompilasi Hukum Islam di Indonesia. Menurut Kompilasi Hukum Islam di Indonesia, pembahagian harta bersama sudah diatur dengan jelas (Hasanah & Latiffani, 2018).

Peruntukan dalam undang-undang ini menetapkan bahawa harta yang diperolehi semasa dalam perkahwinan adalah milik bersama. Walaupun kesemua perundangan ini berasaskan hukum syarak. Namun, terdapat perbezaan dalam pewartaan undang-undang tersebut. Oleh itu, perbandingan ini amat penting bagi memahami penambahbaikan dan pelaksanaan harta sepencarian agar lebih selaras serta memberi impak yang positif terhadap masyarakat yang terlibat dalam isu harta sepencarian.

PRINSIP PERUNDANGAN

a) Pahang

Perundangan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia telah mengiktiraf harta sepencarian sebagai perkara dalam undang-undang Islam (Ahmad Ibrahim, 1998). Di Pahang, seksyen 122 Enakmen

Undang-Undang Keluarga Islam negeri Pahang 2005 memperuntukkan seperti berikut:

i) **Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Pahang 2005**

- 1) Mahkamah adalah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian untuk memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.
- 2) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang
 - a) Takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperoleh aset-aset itu.
 - b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka.
 - c) Keperluan-keperluan anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada. Dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.
- 3) Mahkamah adalah mempunyai kuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa aset yang diperolehi dalam masa perkahwinan dengan usaha tunggal satu pihak kepada perkahwinan itu dibahagi antara mereka atau supaya aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana aset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.
- 4) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (3), Mahkamah hendaklah memberi perhatian kepada
 - a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperoleh aset itu, kepada kebajikan keluarga dengan memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga;
 - b) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu, jika ada, dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi, walau bagaimana pun, pihak yang telah memperoleh aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.
- 5) Bagi maksud seksyen ini, rujukan-rujukan mengenai aset yang diperoleh dalam masa perkahwinan termasuklah aset-aset yang dipunyai oleh satu pihak sebelum perkahwinan itu yang telah dimajukan pada sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu oleh pihak yang satu lagi itu atau dengan usaha bersama mereka.

Berdasarkan subseksyen (1) dan (2) yang tertera di atas, peruntukan secara jelas menunjukkan bahawa mahkamah mempunyai kuasa apabila membenarkan lafaz talak atau apabila melaksanakan suatu perintah perceraian, mahkamah memerintahkan pembahagian harta sepencarian sama ada harta tersebut adalah hasil daripada usaha bersama atau usaha tunggal suami isteri asalkan harta tersebut dikumpulkan semasa mereka berada dalam tempoh perkahwinan. Disamping itu, mahkamah mengambil perhatian tentang takat sumbangan yang telah diberikan oleh tiap-tiap satu pihak sama ada dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperoleh aset-aset itu.

Merujuk subseksyen (4), Mahkamah berkuasa memerhati takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh pihak yang tidak memperolehi aset itu, dengan melihat kebajikan keluarga, memelihara rumahtangga atau menjaga keluarga serta mempertimbangkan juga jika ada keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahwinan itu. Tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, mahkamah boleh membahagikan aset-aset itu atau hasil jualan itu mengikut apa-apa kadar yang difikirkannya munasabah, tetapi, walau bagaimanapun, pihak yang telah memperoleh aset-aset itu dengan usahanya hendaklah menerima suatu kadar yang lebih besar.

Selain itu, peruntukan dalam subseksyen (5) dinyatakan bahawa kemungkinan harta yang diperoleh sebelum perkahwinan juga diiktiraf sebagai harta sepencarian dengan syarat harta tersebut telah dimajukan sebahagian besarnya dalam masa perkahwinan itu sama ada oleh pihak satu lagi atau dengan usaha bersama mereka.

b) Indonesia

(Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan) dalam Pasal 35 hingga 37 dan (Kompilasi Hukum Islam) pada Pasal 85 hingga 97 telah mengiktiraf harta bersama seperti berikut:

1) Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan

a) Pasal 35

- 1) Harta benda yang diperoleh selama perkawinan menjadi harta bersama.
- 2) Harta bawaan dari masing-masing suami dan isteri dan harta benda yang diperoleh masing-masing sebagai hadiah atau warisan, adalah dibawah penguasaan masing-masing sepanjang para pihak tidak menentukan lain.

b) Pasal 36

- 1) Mengenai harta bersama, suami atau isteri dapat bertindak atas persetujuan kedua belah pihak.
- 2) Mengenai harta bawaan masing-masing, suami dan isteri mempunyai hak sepenuhnya untuk melakukan perbuatan hukum mengenai harta bendanya.

c) Pasal 37

- 1) Bila perkawinan putus karena perceraian, harta bersama diatur menurut hukumnya masing-masing.

Menurut Hertasmaldi dan Abdul Hafizh (2021), Pasal 35 menyatakan harta bersama adalah segala harta yang diperoleh selama dalam ikatan perkawinan. Oleh itu, harta yang diperoleh suami atau isteri sejak akad nikah dilangsungkan merupakan milik bersama suami isteri. Berlainan hal berkenaan harta yang diperoleh sebelum akad nikah, iaitu harta asal atau harta bawaan, harta tersebut merupakan harta milik pribadi masing-masing (suami dan isteri).

Menurut Pasal 36, isteri mempunyai hak sepenuhnya untuk melakukan segala perkara terhadap harta peribadinya (Zainul Fikri et al., 2023). Pasal ini menjelaskan bahawa Isteri bebas membuat sebarang keputusan berkaitan harta tersebut tanpa campur tangan mana-mana pihak termasuk untuk menjual atau

menghibahkannya serta tidak memerlukan persetujuan atau bantuan daripada suami dalam melaksanakan tindakan tersebut.

Berdasarkan Pasal 37, Penjelasannya yang dimaksudkan dengan hukumnya yaitu masing-masing dengan hukum agama, hukum adat dan hukum lainnya (Zainul Fikri, et al., 2023). Menurut kenyataan ini, jika terjadi pembahagian harta bersama karena perceraian, masing-masing pihak akan mendapatkan separuh dengan harta bersama. Setiap pihak dengan kesepakatan bersama membagikan harta bersama tersebut.

2) **Komplikasi Hukum Islam di Indonesia**

Pembahasan mengenai harta bersama dibahas lebih luas dalam buku Kompilasi Hukum Islam Bab XIII yang terdiri atas 13 pasal. Menurut Kompilasi Hukum Islam, pembagian dari harta bersama sudah diatur dengan jelas dalam Pasal 96 dan Pasal 97 (Hasanah & Latiffani, 2018).

a) Pasal 96

- 1) Apabila terjadi cerai mati, maka separo harta bersama menjadi hak pasangan yang hidup lebih lama.
- 2) Pembagian harta bersama bagi seorang suami atau istri yang istri atau suaminya hilang harus ditangguhkan sampai adanya kepastian matinya yang hakiki atau matinya secara hukum atas dasar putusan Pengadilan Agama.

b) Pasal 97

- 1) Janda atau duda cerai masing-masing berhak seperdua daripada harta bersama sepanjang tidak ditentukan lain dalam perjanjian perkahwinan.

Berdasarkan Pasal 96, jika terjadi cerai mati, maka separuh harta bersama akan menjadi hak dari pasangan yang hidup lebih lama. Sementara itu, pembahagian harta bersama bagi suami atau isteri yang mana isteri atau suaminya hilang perlu ditangguhkan sampai adanya kepastian matinya yang hakiki atau secara hukum atas dasar keputusan yang dibuat oleh Peradilan Agama (Kandara, 2023).

Berdasarkan Pasal 97 janda atau duda yang mengalami cerai hidup masing-masing berhak seperdua dari harta bersama sepanjang tidak ditentukan hal lain dalam perjanjian perkawinan. peraturan-peraturan ini dijelaskan bahawa jika terjadi suatu perceraian, baik cerai mati mahupun cerai hidup, maka harta bersama suami isteri harus dibahagi dua. Suami akan memperoleh setengah dan isteri akan mendapat setengah bahagian harta lainnya (Hasanah & Latiffani, 2018).

ANALISIS HARTA SEPENCARIAN

Harta sepencarian merupakan salah satu perkara penting dalam undang-undang kekeluargaan Islam yang menjamin keadilan ekonomi antara suami dan isteri selepas berlakunya perceraian. Di Pahang, peruntukan berkaitan harta sepencarian termaktub dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Pahang 2005, manakala di Indonesia diatur melalui Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 1 Tahun 1974 Tentang Perkawinan dan Kompilasi Hukum Islam. Kedua-dua sistem perundangan ini

memperlihatkan persamaan dari segi asas prinsip syariah, namun berbeza dari segi pewartaan undang-undang, pendekatan pelaksanaan dan pembuktiannya di mahkamah. Oleh yang demikian, terdapat persamaan dan perbezaan antara peruntukan undang-undang di Pahang dan di Indonesia.

i. Persamaan

a) Pengiktirafan Harta Sepencarian

Pahang dan Indonesia mengiktiraf harta sepencarian sebagai harta yang diperoleh dalam tempoh perkahwinan iaitu harta bersama (gana-gini) suami dan isteri. Kedua-duanya menegaskan bahawa harta yang terkumpul selepas akad nikah dan sepanjang perkahwinan adalah milik bersama, Menurut kedua-dua peruntukan undang-undang,

b) Pengiktirafan Harta Milik Perseorangan

Hak milik peribadi diiktiraf jika harta diperoleh di luar tempoh perkahwinan yang mana di Indonesia memanggilnya sebagai harta bawaan. Hal ini bermakna suami dan isteri mengetahui hak mereka dan boleh menuntutnya. Proses pembahagian harta dilakukan hanya selepas hubungan perkahwinan terputus melalui penceraian.

ii. Perbezaan

a) Kaedah Pembahagian

Prinsip pembahagian bergantung kepada kadar sumbangan suami dan isteri secara langsung atau tidak langsung. Di Pahang, sekiranya melibatkan sumbangan secara langsung beserta pembuktian dan penelitian kebajikan cenderung kepada pihak yang menuntut, pembahagian lebih cenderung untuk mendapat seperdua manakala sumbangan secara tidak langsung cenderung untuk mendapat sepertiga daripada keseluruhan harta. Di Indonesia, kedua-dua jenis sumbangan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, pembahagian tetap kepada seperdua. Tatacara pembuktian di Pahang, pemohon mesti membuktikan sumbangan secara langsung atau tidak langsung. Manakala di Indonesia, harta bersama dengan sendirinya menjadi milik bersama.

Hal ini dibuktikan dalam kes harta sepencarian di Pahang, keputusan hakim syarie Yang Amat Arif Dato' Sri Abdul Rahman Md Yunos, Yang Arif Dato' Haji Mukhyuddin bin Ibrahim dan Yang Amat Arif Dato' Haji Yusof bin Musa dalam kes di Mahkamah Rayuan Syariah, Pahang iaitu kes Mohamed Abdullah lwn. Wan Zuki Wan Husin & Yang Lain (06000-017-0001-2016). Perintah Mahkamah Rayuan Syariah Pahang mengisytiharkan bahawa Hartanah PM 72 Lot 1942 Felda Padang Piol, Jerantut Pahang adalah diisytiharkan sebagai harta sepencarian Perayu, Mohamed bin Abdullah dan Allahyarhamah Hasih binti Bakar. Mahkamah mengisytiharkan kesemua harta tersebut diperuntukkan dengan kadar 70% kepada Perayu, Mohamed bin Abdullah dan 30% kepada Allahyarhamah Hasih binti Bakar." Rumusannya, menurut keputusan yang dikeluarkan oleh para hakim syarie.

Berdasarkan kes ini dapat dirumuskan bahawa kadar penentuan harta sepencarian perlu menilai sumbangan terlebih dahulu dan pihak-pihak tidak ditetapkan nilainya. Tidak semestinya

harta sepencarian itu menjadi separuh daripada harta. Berkemungkinan juga pemohon memperoleh sepertiga daripada harta dengan melihat keterangan dan pembuktian sumbangan yang telah dikeluarkan oleh pihak-pihak yang terlibat.

Manakala di Indonesia menurut Direktori Putusan Mahkamah Agung Republik Indonesia Nomor 3091 K/Pdt/2015. Keputusan Kasasi (Mahkamah Agung) yang dibuat pada 8 Mac 2016 dipengerusikan oleh Prof. Dr. Abdul Gani Abdullah, S.H., Hakim Agung yang dilantik sebagai Ketua Majelis oleh Ketua Mahkamah Agung, dengan keanggotaan H. Hamdi, S.H., M.Hum. dan Dr. Yakup Ginting selaku Hakim-Hakim Anggota. Mahkamah telah memutuskan untuk menerima permohonan yang dikemukakan oleh pemohon harta sepencarian yang bernama Dirman Pardosi. Merujuk keputusan kes ini, Mahkamah memutuskan bahawa pihak defenden hendaklah membayar kos perkara di semua peringkat perbicaraan dengan jumlah kos ditetapkan sebanyak lima ratus ribu rupiah (seperdua) sebagai hak harta sepencarian plantif.

Berdasarkan kes ini, dapat disimpulkan bahawa di Indonesia, nilai harta sepencarian telah ditetapkan seperdua. Mahkamah Agung tidak menilai tahap sumbangan yang diberikan daripada pihak suami dan isteri secara terperinci. Hal ini disebabkan undang-undang tidak diwartakan supaya mahkamah boleh meneliti sumbangan-sumbangan yang dibuat oleh setiap pihak iaitu suami dan isteri.

b) Kuasa Mahkamah Menilai Tahap Sumbangan

Di Pahang, Menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2005, Undang-undang telah diwartakan bahawa Mahkamah mempunyai kuasa menilai tahap-tahap sumbangan suami dan isteri. Hal ini menunjukkan bahawa mahkamah sedaya upaya melihat hak yang sewajarnya pihak-pihak terlibat memperoleh harta tersebut. Undang-undang di Pahang melihat sumbangan langsung dan tidak langsung serta melihat kebajikan pihak-pihak yang wajar mendapat harta sepencarian tersebut.

Di Indonesia, Menurut Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan dan Kompilasi Hukum Islam tidak dinyatakan kuasa mahkamah untuk mendengar dan menilai tahap sumbangan pihak-pihak yang terlibat untuk diadili. Oleh yang demikian, Harta sepencarian akan diperoleh pihak tanpa sebarang penilaian yang kukuh bahawa pihak tersebut layak untuk menerima nilai harta sepencarian yang diperolehinya.

CADANGAN

Berdasarkan analisis perbandingan terhadap pelaksanaan harta sepencarian di Pahang dan di Indonesia, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang wajar dipertimbangkan bagi memastikan keadilan yang lebih tepat dapat dicapai dalam pengurusan harta sepencarian. Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan dan Kompilasi Hukum Islam menetapkan pembahagian harta sepencarian secara umum sebagai milik bersama sepanjang tempoh perkahwinan

tanpa menilai tahap sumbangan, sumbangan langsung dan tidak langsung pihak terlibat sebagaimana peruntukan yang telah ditetapkan di negeri pahang. Pendekatan ini lebih mencerminkan keadilan yang mengambil kira situasi sebenar, pengorbanan, usaha dan keadaan sebenar yang dihadapi oleh pasangan tersebut. Hal ini kerana ia mengambil kira realiti bahawa sumbangan dalam perkahwinan tidak hanya terbatas kepada pemberian kewangan, tetapi usaha sokongan yang memungkinkan harta itu berkembang juga merupakan satu sumbangan. Oleh itu, undang-undang di Indonesia wajar mempertimbangkan perubahan undang-undang ke arah penilaian kadar sumbangan secara terperinci dengan mengambil kira aspek situasi dan keadaan bagi mengelakkan pembahagian harta secara automatik yang berpotensi mengabaikan hak pihak yang memberikan sumbangan yang lebih besar dalam tempoh perkahwinan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, harta sepencarian bukan sekadar isu pembahagian harta selepas berakhirnya sebuah ikatan perkahwinan, tetapi ia mencerminkan penghargaan terhadap usaha, pengorbanan dan perjalanan hidup yang telah dilalui bersama oleh suami dan isteri. Perbandingan pelaksanaan di Pahang dan Indonesia memperlihatkan bahawa kedua-duanya berasaskan prinsip keadilan yang di anjurkan oleh syarak namun pelaksanaannya berbeza dari sudut undang-undang. Oleh yang demikian, penting untuk memperkukuh sistem penilaian sumbangan dalam undang-undang agar pembahagian harta lebih munasabah dan bertepatan dengan maqasid syariah, iaitu untuk menjaga harta (hifz al-mal) dan memelihara keharmonian hubungan kekeluargaan supaya keadilan yang ditegakkan dapat memberikan implikasi yang baik terhadap hubungan sesama keluarga dan masyarakat sekeliling.

KONFLIK KEPENTINGAN

Para penulis menjelaskan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan.

PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Muhammad Faiq Hakimee Azizee (Pengumpulan data dan penulisan awal)

Mohammad Ramzi Zakaria (Metodologi dan Pemilihan data)

Ainun Mardhiah binti Salehudin (Analisis data dan penulisan akhir)

KESEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data yang menyokong penemuan kajian ini boleh diperolehi atas permintaan daripada penulis koresponden.

PENYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan yang diberikan oleh para penulis bersama.

RUJUKAN

Amin, M. (2018). *Kompilasi Hukum Islam di Indonesia*. Jakarta: Kementerian Agama RI Direktorat

Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam, Direktorat Bina KUA dan Keluarga Sakinah.

https://upload.wikimedia.org/wikipedia/commons/4/48/KHI_id.pdf

Dirman Pardosi lwn. Rukiah & Pangaow Johny Alfrits. (2015). Direktori Putusan Mahkamah Agung Republik Indonesia. Nomor 3091 K/Pdt/2015.

<https://putusan3.mahkamahagung.go.id/search.html?q=jakamulya>

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam. (2005). Undang-Undang Negeri Pahang.

<https://jpsp.pahang.gov.my/media/attachments/2025/01/12/enakmen-undang-undang-keluarga-islam-pahang.pdf.crdownload-1.pdf>

Hasanah, U. & Latiffani, C. (2018). Kajian Pembagian Harta Gono Gini Menurut Kompilasi Hukum Islam. *Journal of Science and Social Research*, I (2),137-14.

https://www.researchgate.net/publication/376227675_PEMBAGIAN_HARTA_GONO_GINI_MENURUT_PERSPEKTIF_HUKUM_ISLAM

Hertasmaldi & Abdul Hafizh. (2021). Penolakan Pembagia Harta Bersama Alasan Nafkah Anak Menurut Kompilasi Hukum Islam. Sakena: Jurnal Hukum Keluarga. Vol. 6 No.1.

<https://journals.fasya.uinib.org/index.php/sakena/article/view/284>

Kamus Besar Bahasa Indonesia (ed.3). (2025). Kamus Versi Online: Hak Cipta Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa (Pusat Bahasa). <https://kbbi.web.id/>

Kamus Dewan (ed.3). (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=ditahan&d=175768&>

Mohamed Abdullah lwn. Wan Zuki Wan Husin & Yang Lain. (2017). SLRAU 42

Mohd Norhusairi Mat Hussin & Raihanah Abdullah. (2016). Amalan Pembahagian Harta Sepencarian di Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *Journal of Shariah Law Research*, Vol.1 (1) 75-88.

<https://ejournal.um.edu.my/index.php/JSLR/article/view/4260>

Serji, R., & Mohamad, M. (2021). Harta Sepencarian: Isu dan Konflik Perundangan dalam Tuntutan Selepas Kematian dari Perspektif Undang-Undang Tanah di Malaysia. *ISLĀMIYYĀT* 43 (Isu Khas) 2021:43-53

<https://journalarticle.ukm.my/17981/1/48461-157265-1-PB.pdf>

Ubaidillah, & Asep. (2022). Review Peran Notaris dalam Pembagian Harta Gono Gini pada Proses Perceraian. Qonuni: Jurnal Hukum dan Pengkajian Islam,2(1),41-49.

https://www.researchgate.net/publication/373646219_Review_Peran_Notaris_dalam_Pembagian_Harta_Gono_Gini_pada_Proses_Perceraian

Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 1 Tahun 1974 Tentang Perkahwinan.

<https://bkd.lampungprov.go.id/uploads/files/1/pdfiles/UU-1-1974.pdf>